

MLF sasar kutipan RM2 juta

UM 15 JUL 2001

PETALING JAYA 14 Julai – Yayasan Hepar Malaysia (MLF) mensasarkan kutipan RM2 juta untuk mengisi tabung bagi melaksanakan aktivitiya memberi penerangan kepada orang ramai mengenai bahaya penyakit hati seperti hepatitis.

Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan masyarakat, Datuk Dr. Siti Zaharah Sulaiman berkata, bagi tujuan itu, seluruh masyarakat mesti berganding bahu untuk mempromosikan gaya hidup sihat.

“MLF telah memainkan peranan penting memberikan kesedaran kepada orang ramai, tentang penyakit berkaitan hati terutamanya hepatitis,” katanya ketika berucap melancarkan tabung tersebut pada majlis ma-

kan malam MLF di sini malam tadi.

Menurut Siti Zaharah, kementerianya bersedia bekerjasama dengan MLF, Kementerian Pendidikan dan Kesihatan bagi merealisasikan hasrat tersebut.

Bantuan

Melalui bantuan secara langsung itu, ujarnya, MLF akan dapat menjalankan program-program penerangan mengenai penyakit hepatitis kronik dan kanser hepar dengan lebih berkesan.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah Ahli Lembaga Pemegang Amanah MLF, Tun Mohamed Hanif Omar, Datuk Paduka

Dr. Saleha Mohd. Ah dan Presiden MLF, Datuk Dr. Ismail Merican.

Pelancaran tabung itu, diadakan sempena Persidangan Antarabangsa ke-4 mengenai Hepar yang diadakan di ibu negara.

Pada majlis itu juga, Siti Zaharah telah menyampaikan anugerah penghargaan kepada ahli-ahli Lembaga Pemegang Amanah yayasan kerana sumbangan mereka kepada pembangunan MLF.

MLF yang didaftarkan pada 1996 dengan Perdana Menteri, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad sebagai penaungnya, merupakan organisasi yang tidak berorientasikan keuntungan.